

30/09/2003

Berjaya Times Square bayar RM270j ganti rugi lewat

BERJAYA Times Square Sdn Bhd (Berjaya Times Square) akan membayar RM270 juta sebagai tuntutan ganti rugi lewat kepada lebih 400 pembeli lot kedai di kompleks Berjaya Times Square yang dimajukannya.

Pengerusi Berjaya Times Square, Tan Sri Vincent Tan, berkata bayaran tuntutan berkenaan akan dibuat dalam bentuk saham baru dalam sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya, bayaran tuntutan itu dibuat berikutan projek bersepadu membabitkan kompleks beli-belah, taman tema tertutup serta kediaman itu siap empat tahun lewat dari tarikh yang dijadualkan kerana kesan krisis kewangan.

"Butiran lanjut mengenai cadangan pembayaran dalam bentuk saham itu sedang dimuktamadkan dan ia akan dibuat berdasarkan pertimbangan yang menguntungkan kedua-dua pihak. Ia akan diumumkan dua atau tiga minggu lagi.

"Namun, projek ini adalah cabaran yang besar bagi saya kerana krisis kewangan serantau menyebabkan ia siap empat tahun lebih lewat manakala kos pembangunannya meningkat kepada RM1.85 bilion daripada RM1.5 bilion.

"Saya gembira projek ini tidak tergendala. Saya menjangka pendapatan kira-kira RM25 juta melalui sewa dan jualan untuk tahun kewangan berakhir April 2004," katanya selepas perasmian Berjaya Times Square oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di ibu negara semalam.

Ia adalah adalah projek terbesar di dunia yang dilaksanakan dalam satu fasa dan membabitkan lebih 1,000 kedai termasuk penyewa utama, Debenhams dari Britain. Selain itu, ia juga merangkumi pangsapuri khidmat dan hotel.

Taman tema tertutup terbesar di Asia iaitu Cosmo terletak di tingkat tujuh bangunan itu yang mempunyai 14 permainan untuk semua golongan usia termasuk Supersonic Odyssey iaitu 'roller coaster' dalam bangunan yang kedua terpanjang di dunia.

Pusat itu turut menempatkan teater Imax 3-D (tiga dimensi) yang pertama di negara ini sekali gus menjadi daya tarikan. Teater tiga dimensi Imax itu mempunyai skrin terbesar di dunia dan membolehkan pengunjung mengalami pelbagai pengalaman menarik ketika menonton tayangan filem menerusi kaedah tiga dimensi.

Tan menjual sebahagian ekuitinya dalam DiGi Telecom untuk mendapatkan RM250 juta bagi menyelamatkan projek terbabit.

Katanya, beliau kini memegang kira-kira 90 peratus ekuiti dalam Berjaya Times Square tetapi ini akan dikurangkan kepada separuh apabila saham baru diterbitkan.

Beliau berkata, syarikatnya juga menimbang kemungkinan menerbitkan bon untuk membayar balik pinjaman bank sebanyak RM700 juta.